

# **MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBUAT LAKARAN DALAM KALANGAN MURID CACAT PENGLIHATAN TAHAP B SATU MELALUI PENGGUNAAN SET C-OL**

Zaharah Mohamad, Azizah Suleiman, Nor Azizah Atan, Azlina Abdul Rani  
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur  
[zaharah@ipgkik.edu.my](mailto:zaharah@ipgkik.edu.my)

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran membuat lakaran dalam kalangan murid cacat penglihatan melalui penggunaan set C-OL. Kajian ini melibatkan enam orang murid cacat penglihatan di sebuah sekolah harian. Analisis tinjauan awal menunjukkan bahawa murid-murid tersebut lemah dalam melaksanakan aktiviti Pendidikan Seni Visual. Pemerhatian, analisis dokumen, dan temubual telah dilakukan untuk mengumpul data. Intervensi dilaksanakan melalui pengelolaan penggunaan set C-OL selama satu bulan. Dapatan kajian menunjukkan subjek kajian dapat membuat lakaran, asas, garisan dan rupa dengan betul dan kemas melalui intervensi penggunaan produk inovasi C-OL. Oleh itu, dicadangkan bagi kajian seterusnya ialah fokus kepada aspek kadarbanding bagi mengukuhkan kemahiran membuat lakaran.